

BULETIN INSTUN

INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA
KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

EDISI TERHAD / PERCUMA

BULANAN : EDISI NOVEMBER 2023

PENAUNG:
Tuan Khairin Nazry bin Karim

PENASIHAT:
Encik Khairil Akhtar bin Ghazali

KETUA EDITOR:
Encik Abdul Rashid bin Omar

REKAAN & GRAFIK:
Encik Wan Mohd Firdaus
bin Wan Mohd Zahari

SIDANG EDITORIAL:
UKP BPPT
UKP BUP
UKP BTM
UKP RND
PRO INSTUN

Dari Ketua Editor

Syukur ke hadrat Ilahi, Buletin Bulan November 2023 berjaya diterbitkan. Antara tujuan utama penerbitan buletin ini adalah untuk melaporkan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan di INSTUN sepanjang bulan November. Ia juga adalah sebagai satu platform saluran maklumat yang boleh dikongsikan bersama tentang informasi aktiviti yang telah dilakukan selari dengan perancangan di dalam takwim INSTUN khususnya.

Diharapkan penerbitan buletin ini akan menjadi perangsang kepada semua pegawai, khususnya penyelaras yang melaksanakan aktiviti supaya menghantar laporan aktiviti kepada Penyelaras Buletin jabatan untuk dijadikan sebagai satu penerbitan. Tahniah sekali lagi kepada sidang editor buletin INSTUN pada kali ini. Diharapkan usaha ini dapat diteruskan pada masa yang akan datang.

Sekian, terima kasih.

 **Encik Abdul Rashid bin Omar**
Ketua Seksyen Perhubungan Awam INSTUN

ISSN 2600-853X



MESYUARAT MBJ INSTUN BIL.3/2023 DAN KUNJUNGAN HORMAT KE INSTITUT LATIHAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN (I-KPKT)

Seksyen Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Institut Tanah dan Ukur Negara telah berjaya menganjurkan Mesyuarat MBJ INSTUN Bil.3/2023 dan Kunjungan Hormat ke Institut Latihan Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (I-KPKT) pada 15 hingga 16 November 2023. Secara keseluruhannya, program ini telah disertai seramai 28 orang peserta yang terdiri daripada Ahli Pihak Pegawai dan Ahli Pihak Pekerja INSTUN dan turut dibantu seramai lima (5) orang urus setia daripada Seksyen Pengurusan Sumber Manusia.

Objektif program ini adalah untuk mewujudkan hubungan dua hala terutamanya dalam perancangan latihan dan juga perkongsian selaku Institut Latihan Awam Malaysia. Pelaksanaan Mesyuarat MBJ Bil. 3/2023 di I-KPKT juga bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada Ahli-Ahli MBJ INSTUN berkenaan ILA yang lain di samping melihat fasiliti yang membantu kaedah pengajaran dan menambah pengalaman apabila berkunjung ke ILA yang lain.



BAHAGIAN PENGURUSAN & PERUNDANGAN TANAH

BULANAN : EDISI NOVEMBER 2023



KURSUS DALAM TALIAN : ASAS PENTADBIRAN TANAH UNTUK ANGGOTA PENTADBIRAN TANAH

TARIKH : 7 November 2023

TEMPAT : Dalam Talian

PENCERAMAH : Encik Abnorhady Bin Abu Bakar, Encik Rosdi Bin Mohd Yaacob

RINGKASAN PROGRAM :

Kursus ini telah dihadiri seramai 34 orang terdiri daripada pegawai JKPTG, PTG dan PTD. Objektif kursus ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kefahaman mengenai aspek pentadbiran tanah.

Kandungan Kursus:

1. Pengenalan Kepada Kanun Tanah Negara
2. Pelupusan Tanah, Hakmilik Syarat & Syarat Tanah
3. Urusniaga Dan Halangan Urusniaga



KURSUS DALAM TALIAN : ASAS FARAIID

TARIKH : 8 November 2023

TEMPAT : Dalam Talian

PENCERAMAH : Encik Baharuddin Bin Aziz

RINGKASAN PROGRAM :

Kursus ini telah dihadiri seramai 56 orang terdiri daripada pegawai dan kakitangan di pelbagai kementerian, jabatan dan agensi. Objektif kursus ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kefahaman peserta berkaitan aspek faraid.

Kandungan Kursus:

1. Pengenalan Ilmu Faraid
2. Perkara Asas Dalam Ilmu Faraid
3. Syarat dan Halangan Pusaka
4. Waris-Waris Yang Berhak dan Cara Mewarisi Harta
5. Kaedah Pembahagian



KURSUS DALAM TALIAN : PENGENALAN ENAKMEN MINERAL NEGERI


TARIKH	:	9 November 2023
TEMPAT	:	Dalam Talian
PENCERAMAH	:	Ir. Tony Chew, Puan Nur Diyana Binti Yahya, Puan Zaiton Binti Abdullah, Encik Ahmad Khuzer Bin Mohamad Azmi Encik Mohd Firdaus Bin Noor Azman

RINGKASAN PROGRAM

Kursus ini telah dihadiri seramai 42 orang terdiri daripada pegawai JKPTG, PTG, PTD, pelbagai kementerian dan agensi. Objektif kursus ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kefahaman asas mengenai aspek enakmen mineral negeri.

Kandungan Kursus:

1. Akta Pembangunan Mineral 1994
2. Dasar Mineral Negara 2 & Latar Belakang Enakmen Mineral Negeri
3. Tenemen Kecil, Lesen Mencarigali & Penjelajahan
4. Pajakan Melombong & Lesen Melombong Tuan Punya
5. Pengenalan Kepada Mineral Batuan dan Kegunaannya



KURSUS DALAM TALIAN: KURSUS EKSEKUTIF PENTADBIRAN TANAH

TARIKH	:	23 November 2023
TEMPAT	:	Dalam Talian
PENCERAMAH	:	Dr. Muhammad Najib Bin Mohamed Razali, Encik Anesh A/L Ganason

RINGKASAN PROGRAM

Kursus ini telah dihadiri seramai 24 orang terdiri daripada pegawai JKPTG, PTG, PTD pelbagai kementerian dan agensi gred 41 - 52. Objektif kursus ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan pentadbir tanah dalam isu-isu perundangan dan pentadbiran tanah.

Kandungan Kursus:

1. Cabaran Era Pasca-Normal Dalam Pentadbiran Tanah
2. Perserahan dan Pendaftaran Atas Talian



BAHAGIAN PENGURUSAN & PERUNDANGAN TANAH

BULANAN : EDISI NOVEMBER 2023



“SEMBANG TANAH 14”

TARIKH : 17 November 2023

TEMPAT : Bilik Studio, Perpustakaan INSTUN

RINGKASAN PROGRAM : Sembang Tanah 14 kali ini menampilkan panel yang dikenali puan Noranizawaty binti Yusof dan moderator Encik Abnorhady bin Abu Bakar. Topik kali ini tidak asing lagi dengan panel yang ditampilkan pada siri Sembang Tanah 14 ini iaitu “Takrifan Melayu di bawah Enakmen Rizab Melayu”. Panel membuka bicara dengan memberi penerangan berkenaan kronologi pembentukan Enakmen Rizab Melayu itu sendiri.

Kronologi bermula dari mesyuarat residen-residen British di Kuala Lumpur yang telah membangkitkan isu kehilangan milikan tanah peribumi melayu di negeri Melayu Bersekutu.

Hasil mesyuarat ini akhirnya membawa kepada perwartaan Enakmen Rizab Melayu 1913 dan dikuatkuasakan pada 1 Januari 1914 serta digunakan di negeri Melayu Bersekutu yang terdiri daripada negeri-negeri Perak, Selangor, negeri Sembilan dan Pahang.

Sehubungan itu, moderator turut mengajukan soalan berkenaan apakah takrifan melayu secara umum. Panel memberi penjelasan bahawa komuniti melayu merupakan suatu bangsa yang mendiami dan bermastautin di negara-negara sekitar Asia Tenggara. Terdapat dua kategori utama masyarakat melayu iaitu Melayu dan Malayan. Definisi melayu ini terdiri daripada dua kelompok utama yang mempunyai persamaan dari segi pertuturan dan amalan kebudayaan. Malayan dalam konteks perundangan Rizab Melayu merangkumi etnik-etnik melayu yang terdapat di gugusan kepulauan melayu.

Pelbagai lagi soalan-soalan dikupas dengan begitu jelas oleh panel pada siri ini. Semoga perkongsian ini memberi manfaat kepada kita semua dan berjumpa lagi di Live Sembang Tanah seterusnya.

The poster features the official logos of Institut Tanah dan Ukur Negara (ITUN) and the Ministry of Natural Resources, Environment and Climate Change. The title "SEMBANG TANAH 14" is prominently displayed in large, bold letters. Below it, the subtitle "Takrifan Melayu di Bawah Enakmen Rizab Melayu" is written in a smaller, italicized font. Two circular portraits of the speakers are shown: a woman on the left wearing a pink hijab and a man on the right in a dark suit. Their names, "Noranizawaty binti Yusof" and "Abnorhady bin Abu Bakar", along with their roles as "Panel" and "Moderator" respectively, are listed below their portraits. At the bottom, the date "17 November 2023" and time "10.30 Pagi" are indicated, along with the "LIVE INSTUN" logo.





BAHAGIAN PENGURUSAN & PERUNDANGAN TANAH

BULANAN : EDISI NOVEMBER 2023

KURSUS DALAM TALIAN : ASAS PENTADBIRAN TANAH

TARIKH : 28 November 2023

TEMPAT : Dalam Talian

PENCERAMAH :

- Puan Noranizawaty Bt Yusof
- Encik Abnorhady Bin Abu Bakar
- Encik Zahar Bin Sapar

RINGKASAN PROGRAM

Kursus ini telah dihadiri seramai 39 orang terdiri daripada pegawai PTG, PTD pelbagai kementerian dan agensi. Objektif kursus ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kefahaman peserta berkaitan asas pentadbiran tanah.

Kandungan Kursus:

1. Pengenalan Kepada Kanun Tanah Negara
2. Pelupusan Tanah, Hakmilik Syarat & Syarat Tanah
3. Urusniaga Dan Halangan Urusniaga
4. Pembangunan Tanah

Sistem
Pentadbiran &
Perundangan
Tanah di
Malaysia

NORANIZAWTY BT YUSOF
Penyelaras Program
Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah

PERKEMBALIAN TANAH MILIK
KEPADА PBN

TIDAK HEMBAYAR CUKAI TAHUNAN S.100
• MELANGGAR SYARAT S.130
TUAN TANAH MENINGGAL TANPA WARIS S.351
• TANAH DESA TIDAK DIUSAHA SELAMA 7 TAHUN
KEBELAKANG S.352
• TANAH MENJADI DASAR LAUT ATAU SUNGAI S.49
• TUAN PUNYA MENTERAH BALIK TANAH S.195
• TAMAT TEMPOH PAJAKAN !!!!! S.46(1)

Serahbalik | Syarat-syarat kelulusan

Syarat-syarat kelulusan:

- Tiada hasil tanah tertinggak.
- Tidak menimbulkan apa-apa bebanan (*liability*) kepada PBN
- Tanah tidak ada di bawah penahanan oleh mana-mana mahkamah.

S.207
Borang instrumen urusnaga
• Borang ni dalam Jejak Perlama
• Borang 13A – Tajuk dan jualan Tanah
• Borang 13B – ayat pemerkelasan
Jedual ke-10 - Peruntukan tambahan borang dan prinsipal

S.210
• Perakaikan instrumen oleh
tuantah
• Seorang manusia
• TT atau cap jari
• Badan
• perlembagaannya
• Material tiynakat, dan it
• wakk melalui SKW

S.211
• Perkaikan
instrumen
oleh seorang
manusia
• Pegawai
persekutu =
Jedual ke-5

Participants list:
Muhammad Aslam, Mohd Farid A., Md. Nasirul...
Norashikin, Mohd Zamri...
Mizanul Azmi, Mohd Zaini...
Rafiz bin Razli, Ruzaini Ashra...
Md. Zulkifli, Md. Zulkifli...
Abdul Latif Ali, Nurulqom...
Norulqom...
Md. Fairuz Ismail, Md. Fairuz Ismail...

BAHAGIAN UKUR DAN PEMETAAN

BULANAN : EDISI NOVEMBER 2023



MESYUARAT BAHAGIAN UKUR DAN PEMETAAN

TARIKH : 8 November 2023 / 24 Rabiulakhir 1445H

RINGKASAN PROGRAM :

Seramai 22 kakitangan Bahagian Ukur dan Pemetaan telah menghadiri mesyuarat yang diadakan di Bilik Persidangan Bangunan Anjung, Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN). Mesyuarat yang bermula pada jam 9.30 pagi ini telah dipengerusikan oleh Sr Ahmad bin Omar, iaitu Ketua Program Ukur Kadaster juga memangku jawatan Ketua Bahagian Ukur dan Pemetaan (BUP).

Agenda mesyuarat meliputi Pembentangan Laporan Pelaksanaan Aktiviti Seksyen, Pembentangan Laporan Kursus Tahun 2023, Pembentangan Perolehan dan Belanjawan, Pembentangan Laporan Yuran Tabung BUP serta perkara-perkara yang melibatkan penstrukturkan di bahagian ini selain hal-hal semasa.

Mesyuarat berakhir jam 1.20 tengah hari dan sedikit jamuan telah diadakan di Pejabat Ukur 1. Semoga keputusan di dalam mesyuarat ini akan meningkatkan lagi keupayaan pasukan BUP dalam menghadapi cabaran 2024 yang akan datang.





PROGRAM KEMASYARAKTAN INSTUN DAN PERSATUAN KHAIRATKEMATIAN MASJID AT-TAQWA PROTON CITY

TARIKH : 9 November 2023 / 25 Rabiulakhir 1445H

RINGKASAN PROGRAM:

Sr Fauzaini binti Azam, Ketua Program Ukur, yang mewakili Bahagian Ukur dan Pemetaan, INSTUN telah mengadakan perbincangan dan lawatan ke tapak perkuburan Islam Proton City bersama Encik Wan Nurkamar Rahmatullah bin Wan Mustafa, Pengurus Persatuan Khairat Kematian Masjid At-Taqwa Proton City pada 9 November 2023.

Tujuan perbincangan dan lawatan ini adalah untuk program *Corporate Social Responsibility* (CSR) antara INSTUN dan Persatuan Khairat Kematian Masjid At-Taqwa Proton City. Antara perkara yang dibincangkan adalah bagi menghasilkan satu pangkalan data geospatial bagi pengurusan tanah perkuburan islam di Bandar Proton.

Selesai sesi perbincangan dijalankan, wakil persatuan telah membawa pasukan terlibat untuk melihat kawasan yang diwartakan sebagai tapak perkuburan berkenaan. Semoga sedikit bantuan dari wakil INSTUN ini mendatangkan manfaat yang berterusan kepada seluruh ahli khariah.



BAHAGIAN UKUR DAN PEMETAAN

BULANAN : EDISI NOVEMBER 2023



BICARA PREMIER SECARA DALAM TALIAN


TARIKH : 10 November 2023 / 26 Rabiulakhir 1445H

RINGKASAN PROGRAM:

Program Bicara Premier melalui dalam talian ini berlangsung sekitar 45 minit dan bersiaran secara langsung dalam facebook. Panel yang menyampaikan perkongsian ini ialah SS Ustaz Mohamad Faizal bin Jani yang merupakan pegawai daripada Bahagian Falak, Jabatan Mufti Negeri Perak.

Moderator Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) bagi bicara ini ialah Encik Yazir bin Sardi, Penyelaras Kanan Program. Program yang dijalankan telah bersiaran dari Studio mini INSTUN serta pejabat Jabatan Mufti Negeri Perak.

Topik yang diulas dalam program ini berkenaan Aplikasi Ilmu Falak dalam Ibadat. Diharapkan perkongsian ini memberi manfaat kepada seluruh pendengar di luar sana. Terima kasih kepada pasukan daripada Seksyen Geodetik, BUP INSTUN, pasukan penyiaran Bahagian Teknologi Maklumat INSTUN dan seluruh warga INSTUN dan masyarakat di luar sana.





BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

BULANAN : EDISI NOVEMBER 2023

PROGRAM STRENGTHEN THE BOND WITH RND

Tarikh : 20 November 2023

Tempat : Lost World Of Tambun, Ipoh

Team Building atau dalam Bahasa Melayunya Pengukuhan Pasukan adalah satu program di mana semua peserta dikumpulkan dalam satu program dan dibahagikan mengikut kumpulan bagi menjayakan beberapa misi dan aktiviti yang telah diaturkan. Team Building ini penting bagi tujuan melihat dan menguji tahap semangat berpasukan peserta, bagaimana peserta saling hormat-menghormati dan saling bantu-membantu dalam menyelesaikan aktiviti yang diberikan sepanjang program ini berlangsung.

Bahagian Penyelidikan Dan Pembangunan (BPP) telah mengadakan satu program *team building* di Lost World Of Tambun, Ipoh yang melibatkan satu bahagian BPP. Petugas Lost World Of Tambun telah memberikan sedikit taklimat tentang tentatif program pada hari ini sebelum aktiviti dimulakan.

Aktiviti pertama yang dilakukan ialah zipline. Aktiviti ini memerlukan peserta untuk menyeberangi tasik dengan menggunakan tali serta dilengkapai dengan alat keselamatan dan topi keselamatan. Aktiviti kedua adalah mendayung kayak. Dalam aktiviti ini, terdapat dua kumpulan yang berkayak untuk mengambil lidi dan meletupkan belon sebelum berkayak semula ke tempat permulaan untuk bertukar giliran.

Setelah selesai aktiviti di Lost World Adventure Park, semua peserta telah diuji tahap kecekalan dan semangat berkumpulan dengan memasuki Rumah Misteri dalam satu kumpulan yang besar. Akhir sekali, semua peserta menjalankan aktiviti bebas di situ sebelum bergerak pulang.





BULANAN : EDISI NOVEMBER 2023

MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU) ANTARA INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA (INSTUN) DAN RAZAK SCHOOL OF GOVERNMENT (RSOG)

Tarikh : 29 November 2023

Tempat : Pejabat RSOG, Cyberjaya

Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Institut Tanah Dan Ukur Negara (INSTUN) dan Razak School Of Government (RSOG) telah berjaya dilaksanakan pada 29 November 2023 di Pejabat RSOG, Cyberjaya.

Majlis ini dihadiri oleh 11 orang pegawai dari INSTUN dengan diketuai oleh Tuan Khairin Nazry bin Karim, Pengarah INSTUN. Kehadiran INSTUN disambut baik oleh pegawai-pegawai dari RSOG yang diketuai oleh Dr. Hj. Mohamad Kamal bin Hj. Harun, Ketua Pegawai Eksekutif RSOG. Majlis dimulakan dengan ucapan aluan oleh Ketua Pegawai Eksekutif RSOG dan diikuti dengan ucapan balas daripada Pengarah INSTUN. Selesai berucap, telah diadakan sesi menandatangani dan pertukaran MoU antara Ketua Pegawai Eksekutif RSOG dan Pengarah INSTUN bersama saksi daripada kedua-dua jabatan. Majlis bersurai selepas sesi bergambar dan pertukaran cenderahati antara kedua-dua belah pihak.



Tahukah Anda

Dimanakah **INSTUN** dan Cara Memohon **Kursus Online**



PERMOHONAN KURSUS ONLINE (eSPEK)

CARA MEMOHON

Permohonan boleh dibuat melalui dua cara iaitu secara online melalui eSPEK (Sistem Pengurusan Kursus INSTUN) atau dengan mengisi borang permohonan kursus APD (U-04) yang boleh diperolehi dengan melayari laman web INSTUN atau di Pejabat INSTUN.

Pengarah

Institut Tanah dan Urusan Negara

Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim
Behrang Ulu, 35950 Tanjung Malim, Perak Darul Ridzuan

Tel : +605-454 2825 Faks : 05-454 2837

Laman Web : www.instun.gov.my

Tarikh Tutup Permohonan :

Dua (2) minggu (hari bekerja) sebelum tarikh kursus dijalankan.

Penginapan dan Makan Minum Semasa Berkursus :

Kemudahan penginapan dan makan minum disediakan kepada semua peserta kursus yang layak.

PERMOHONAN KURSUS ONLINE (eSPEK)

1 Pendaftaran Akaun Baru

- Tap url espek.instun.gov.my.
- Klik pada link Pertama Kali Mendaftar.
- Isi borang dan klik butang Daftar. Permohonan akan aktif setelah pengesahan dibuat oleh Pentadbir Sistem eSPEK.

2 Daftar Masuk Ke Sistem

- Isikan ruangan No. Kad Pengenalan dan Kata Laluan yang telah didaftarkan.
- Klik butang Log Masuk.

3 Lupa Kata Laluan

- Pada muka hadapan sistem klik hyperlink Lupa Kata Laluan.
- Isikan ruangan No. KP dan klik butang Hantar Kata Laluan.
- Sistem akan hantar emel yang mengandungi hyperlink untuk pengguna menukar kata laluan.

4 Carian Kursus

- Isikan ruangan "Nama Kursus", "Kod Kursus" atau "Tarikh Mula Kursus".
- Klik butang Cari.

5 Senarai Kursus

- Pada dropdown menu "Senarai" pilih Bahagian dan pilih Bulan. Sistem akan paparkan senarai kursus tahun 2020.
- Pada senarai nama kursus klik butang kanan mouse dan akan keluar butang berikut:
 - Lihat – untuk melihat maklumat terperinci kursus.
 - Mohon – untuk memohon kursus.
 - Setelah klik butang mohon, isi borang permohonan tersebut dan klik butang Hantar.

6 Kalendar Kursus

- Pada dropdown menu, pilih "Tahun" dan "Bahagian".
Klik butang cari.

7 Status Permohonan

- Pada status permohonan, ia akan paparkan senarai kursus yang pernah dipohon oleh pengguna berserta dengan status permohonan.
- Klik pada senarai nama kursus dan akan keluar butang berikut:
 - Lihat Permohonan – untuk melihat semula borang permohonan yang telah diisi dan boleh dikemaskini.
 - Kemaskini Permohonan – untuk mengemasuki maklumat di dalam borang.
 - Batal Permohonan – untuk membatakan permohonan kursus. Butang ini hanya aktif bagi status "Dalam Proses" sahaja.

8 Pengesahan Kehadiran

- Pada pengesahan kehadiran, ia akan paparkan senarai kursus yang statusnya "Dipilih" sahaja.
- Klik butang kanan tetikus dan ia akan paparkan pilihan berikut:
 - Lihat Borang Permohonan – untuk melihat semula borang permohonan yang telah diisi dan boleh dikemaskini.
 - Pengesahan Kehadiran – untuk membuat pengesahan samada hadir, tidak hadir dan tidak hadir dengan pengantti.
 - Cetak Surat Tawaran – untuk mencetak surat tawaran yang telah dijana oleh penyelaras kursus.
 - Lihat Content Base Training – untuk melihat nota interaktif berkaitan kursus
- Klik pada pilihan Pengesahan Kehadiran dan borang pengesahan kehadiran akan dipaparkan. Pilih samada "Hadir", "Tidak Hadir" atau "Tidak Hadir Dengan Pengganti". Isikan butiran yang diperlukan dan klik butang simpan.

9 Surat Tawaran

- Klik butang kanan tetikus, ia akan paparkan butang Cetak Surat Tawaran. Surat tawaran hanya boleh dicetak sekiranya telah dijana oleh penyelaras kursus.

10 Kursus Semasa

- Klik butang kanan tetikus pada senarai kursus semasa (kursus yang sedang diikuti pada tarikh semasa), ia akan paparkan tiga butang berikut:
 - Lihat Borang Permohonan – untuk melihat / mengemaskini borang permohonan
 - Penilaian – untuk mengisi borang penilaian kursus
 - Ujian – untuk menjawab soalan ujian yang telah dimasukkan oleh Penyelaras Kursus.

11 Rekod Kursus

- Menu ini akan memaparkan rekod kursus yang pernah dipohon oleh pengguna. Klik butang kanan tetikus pada senarai kursus, akan paparkan butang berikut:
 - Lihat Borang Permohonan – untuk lihat borang permohonan
 - Rekod kehadiran – untuk melihat rekod kehadiran kursus
 - Lihat Jawapan Ujian – untuk menyemak semula jawapan ujian yang telah dijawab.

12 Pengumuman / Berita

- Individu – Pengumuman / Berita daripada pentadbir sistem kepada individu
- Kursus – Pengumuman / Berita daripada pentadbir sistem kepada peserta - peserta bagi satu kumpulan kursus
- Umum – Pengumuman / Berita daripada pentadbir sistem kepada semua pengguna eSPEK.

13 Lihat Profil

- Untuk melihat / mengemaskini profil peribadi.